



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agenzia Kementerian Pembangunan Luar Bandar



KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN PEROLEHAN PEMBAHARUAN LESEN DAN KONTRAK PENYELENGGARAAN PELAYAN, PERKAKASAN SERTA PERISIAN YANG DIGUNAKAN OLEH SISTEM MAKLUMAT BERKOMPUTER MARA (SMBM)

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN SEBUT HARGA	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
086/2021/63	210102 & 210103	18/11/2021 Hingga 24/11/2021	RM5.00	02/12/2021 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :-
 - i) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 - ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIASatu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Bayaran dokumen **Sebut harga** boleh dibuat secara BANK DRAF/ KIRIMAN WANG atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA). Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap **sebut harga** dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
4. Dokumen **Sebut harga** boleh didapati pada waktu pejabat hari Isnin hingga hari khamis (8.30 pagi - 1.00 petang) / (2.00 petang hingga 4.30 petang) hari Jumaat (8.30 pagi hingga 12.15 tengah hari) / (2.45 petang hingga 4.30 petang) seperti alamat di bawah. Dokumen tawaran sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.
5. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat **Sebut harga** dan membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan semasa membeli dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan.
6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen **Sebut harga** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (Kaunter Tender) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
10. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada Tarikh tutup selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
11. Pembelian dokumen dan penghantaran Dokumen Sebut Harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.